

**SOALAN-SOALAN LAZIM BERKENAAN PELAKSANAAN PINJAMAN LATIHAN
KEMAHIRAN ISLAMIK (PLK-i) PTPK**

Apakah yang dimaksudkan dengan PLK-i?

Satu produk baru keluaran PTPK yang menyediakan pembiayaan patuh syariah untuk mereka yang ingin mendapatkan pinjaman dalam bidang kemahiran dinamakan sebagai Pinjaman Latihan Kemahiran Islamik (PLK-i).

Apakah konsep produk PLK-i yang diperkenalkan?

PTPK telah menetapkan tiga fasa seperti berikut:

- i. **Fasa Pertama** Pinjaman Latihan Kemahiran Islamik PTPK secara kaedah **Al Qard tanpa Ujrah**;
- ii. **Fasa Kedua** Pinjaman Latihan Kemahiran Islamik PTPK secara kaedah **Al Qard dengan Ujrah**;
- iii. **Fasa Tiga** Pinjaman Latihan Kemahiran Islamik PTPK secara kaedah **Tawarruq selepas pindaan Akta 640**.

Apakah konsep Qard di PTPK?

Konsep Qard ialah suatu konsep pinjaman tanpa adanya caj tambahan / riba. Kontrak ini terjadi apabila PTPK memberikan pinjaman kepada penerima pinjaman dan hendaklah dipulangkan kembali seperti mana mengikut akad perjanjian yang telah dimeterai.

Apakah konsep Tawarruq?

Konsep Tawarruq adalah satu transaksi jual beli komoditi atau asset berasaskan pembayaran secara Murabahah (harga kos aset ditambah dengan margin keuntungan) daripada penjual kepada pembeli, dan kemudiannya komoditi tersebut akan dijual secara tunai kepada pihak ketiga (selain penjual asal) .

Kebiasaannya konsep ini diguna pakai dalam struktur produk deposit, pembiayaan dan pengurusan aset.

Adakah konsep Qard dan Tawarruq sama?

Tidak

Bagaimanakah konsep Qard dan Tawarruq diyakini patuh syariah terhadap produk PTPK?

Konsep Qard dan Tawarruq ini telah melalui proses kawal selia dan disahkan oleh Jawatankuasa Syariah PTPK sebagai produk patuh syariah dengan mengambil kira peranan PTPK dalam menyediakan pembiayaan latihan kemahiran kepada semua.

Berapa lama tempoh fasa pelaksanaan PLK-i?

Bagi fasa pertama PLK-i melalui konsep Qard tanpa upah (ujrah) adalah enam (6) bulan sehingga 12 bulan. Seterusnya fasa kedua Qard dengan upah (ujrah) akan dilaksanakan selepas tempoh pelaksanaan fasa pertama sehinggalah pindaan Akta 640 sebelum PTPK beralih kepada fasa ketiga menggunakan konsep Tawarruq.

Apakah yang perlu dilakukan sekiranya ingin membuat permohonan?

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian oleh Penyedia Latihan melalui sistem Pengurusan Pinjaman PTPK (SPPiv) dan pelatih dikehendaki melayari portal MyPerkasa TVET untuk membuat pengesahan penerimaan tawaran selepas emel pemakluman permohonan diterima.

Skim manakah yang terlibat dengan permohonan PLK-i ini?

Buat masa ini, permohonan PLK-i hanya disediakan untuk skim pinjaman dana TVET bagi golongan lepasan sekolah dan pekerja sahaja. PTPK berhasrat untuk mempelbagaikan kontrak patuh syariah pada masa akan datang.

Apakah perbezaan antara fi pentadbiran (caj tadbir) dan upah ujah di PTPK?

Fi pentadbiran adalah kadar caj tadbir sebanyak 3% yang dikenakan oleh PTPK terhadap pinjaman dengan kaedah baki berkurangan. Manakala ujah adalah kadar upah yang ditentukan bagi menguruskan segala proses berkaitan permohonan PLK-i

Adakah PLK-i ini hanya layak kepada orang islam sahaja?

Tidak. Permohonan PLK-i adalah terbuka semua Keluarga Malaysia tanpa mengambil kira perbezaan bangsa dan agama.

Bilakah tarikh kuatkuasa PLK-i ini?

Pinjaman Latihan Kemahiran Islamik (PLK-i) ini berkuatkuasa pada 15 Ogos 2022

Adakah selepas pelaksanaan PLK-i berkuatkuasa, permohonan baru masih boleh membuat pilihan sama ada PLK-i atau PLK konvensional?

Setiap permohonan baru selepas 15 Ogos 2022 adalah secara automatik melalui Pinjaman Latihan Kemahiran Islamik (PLK-i)

Apakah kelebihan PLK-i berbanding Pinjaman Latihan Kemahiran sebelum ini?

PLK-i adalah satu produk pinjaman latihan kemahiran yang patuh syariah bersifat terbuka dan tidak terhad kepada semua dan dikawal selia oleh Jawatankuasa Syariah PTPK yang mempunyai kepakaran dalam kewangan islam di Malaysia.

Adakah PLK-i ini tiada caj faedah dan tiada caj yang tersembunyi?

Betul. Pelaksanaan PLK-i ini tiada mempunyai unsur-unsur riba dan gharar (ketidakpastian) yang mana hanya upah (ujrah) akan dikenakan pada fasa

kedua pelaksanaan bagi menampung kos sebenar pentadbiran dan perkhidmatan yang diberikan

Adakah PLK-i ini dilindungi oleh Takaful?

Betul. PLK-i dilindungi oleh takaful sebagaimana produk-produk pinjaman latihan kemahiran terdahulu.

Bagaimanakah untuk mengetahui permohonan PLK-i diluluskan?

Bagi permohonan PLK-i, Penyedia Latihan akan membuat permohonan bagi pihak pelatih melalui sistem Pengurusan Pinjaman PTPK (SPPiv). Permohonan yang diluluskan akan menerima emel pemakluman di emel pelatih untuk membuat pengesahan penerimaan tawaran di Portal MyPerkasa TVET.

Dimanakah maklumat lanjut berkaitan PLK-i boleh diperolehi?

Sekiranya anda ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut berkaitan pelaksanaan PLK-i, anda boleh menghubungi talian rasmi PTPK +603-4051 6000 atau melayari portal MyPerkasa TVET.